



STPM 2025
(KEMASKINI : 15 MEI 2025)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
KALENDAR PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2025

PERKARA	PEPERIKSAAN BERTULIS STPM 2025				
	Semester 1	Semester 2	Semester 3	Ulangan 1	Ulangan 2
Tahun Pelaksanaan	(Tahun 2025)	(Tahun 2025)	(Tahun 2026)	(Tahun 2026)	(Tahun 2026)
Tarikh Pendaftaran Dibuka	17 Julai 2024 (Semua jenis calon)			20 Mac 2025	2 Oktober 2025
	-	2 Januari 2025 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)	-		
		1 Ogos 2025 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2024)			
Tarikh Pendaftaran Ditutup	30 Julai 2024 (Semua Jenis Calon)			21 April 2025	12 Oktober 2025
	-	24 Januari 2025 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)	-		
		29 Ogos 2025 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2024)			
Tarikh Ujian Lisan Bahasa Arab	-	-	24, 25, 26 November, 1, 2, dan 3 Disember 2025	-	-
Tarikh Peperiksaan Bertulis	7, 8, 9, 13, dan 15 Januari 2025	14, 15, 16, 17, dan 21 Julai 2025	4, 5, 9, 10, 11, dan 12 Februari 2026	13, 15, 19, 20, dan 21 Januari 2026	22, 26, 27, 28, dan 29 Januari 2026

Nota:

- Semua maklumat yang tertera adalah tertakluk kepada pindaan dan kelulusan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Pendaftaran bagi calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dibuat sekaligus pada Semester 1. Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu boleh mendaftar pada Semester 1 atau Semester 2.
- Calon STPM 2024 boleh memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2024 dengan mendaftar STPM 2025 (Kaedah 1 atau Kaedah 2) sebagai calon sekolah swasta atau calon persendirian individu. Calon akan menduduki peperiksaan bertulis STPM 2025 secara sekaligus bagi Ulangan 1, Semester 3, dan Ulangan 2.
(Sila rujuk kaedah baharu ini pada Perkara 5 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2025**).
 - Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2024 boleh memilih sama ada hendak melaksanakan atau tidak melaksanakan Kerja Kursus (KK) / kertas alternatif bertulis mengikut pilihan yang berikut:
 - Jika calon memilih untuk tidak melaksanakan KK / kertas alternatif bertulis maka markah KK / kertas alternatif bertulis yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor KK / kertas alternatif bertulis tahun memperbaiki keputusan. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan tidak boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM untuk kali kedua atau lebih.
 - Jika calon memilih untuk melaksanakan KK / kertas alternatif bertulis yang baharu pada tahun mengulang, maka markah KK / kertas alternatif bertulis yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan tidak boleh merayu untuk diambil markah KK / kertas alternatif bertulis STPM tersebut.
(Sila rujuk pada Perkara 4 dan Perkara 5 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2025**).
- Bagi calon yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding tahun lepas, calon dikehendaki mengambil kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK, maka calon dikehendaki melaksanakan KK (Sila rujuk pada Perkara 4.6 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2025**).
- Panduan Umum Pengurusan dan Pengendalian KK, Kalendar KK, dan bahan KK mengikut mata pelajaran boleh dirujuk di portal Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Permohonan semak semula keputusan dibuka selama 5 hari bermula dari tarikh keputusan peperiksaan Semester 1, Semester 2, dan Semester 3 diumumkan.
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. **Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) melalui telefon di talian **03-61261600 samb. 1661/1662/1663/1664/1665** atau e-mel ke stpm@mpm.edu.my.